



Sahabat Alam Malaysia
Friends of the Earth Malaysia
For Environmental Justice

1, Jalan Joki, 11400 Penang, Malaysia
Tel No: +604 827 6930
Fax No: +604 827 6932
Email: foemalaysia@gmail.com
<https://www.foe-malaysia.org>

Surat Kepada Pengarang

4 September 2017

Penternakan Ayam Itik Timbulkan Kebimbangan Hak Haiwan

Rakyat Malaysia memakan daging dan telur ayam pada setiap hari tanpa memikirkan keadaan kebajikan haiwan tersebut yang mengerikan dalam sistem ternakan moden yang dikenali sebagai “ternakan kilang”.

Pengambilan daging ayam itik di Malaysia pada 2016 ialah hampir 1.6 juta tan metrik manakala 12, 227 juta telur ayam/itik dianggarkan dimakan pada 2016. (<http://www.dvs.gov.my>). Pengambilan per kapita telur ayam/itik oleh rakyat Malaysia pada 2016 begitu banyak iaitu dianggarkan 385 biji telur.

Permintaan untuk telur amat tinggi tetapi hanya segelintir daripada pengguna sahaja yang menyedari cara di mana kebanyakan telur dihasilkan oleh ayam yang berada dalam sangkar yang penuh sesak, kadangkala dalam keadaan bersusun dalam kurungan yang kekurangan cahaya, tanpa akses kepada cahaya matahari atau persekitaran semula jadi, dan dinafikan kemampuan untuk bebas bergerak malah melakukan kebanyakan naluri asas semula jadi. Pengurungan ini menafikan atau membataskan kebebasan haiwan ini untuk melakukan tingkah laku semula jadinya.

Kekurangan keperluan asas dan tingkah laku seperti berjalan, membelok, menjelajah, berinteraksi dengan atau mengelak dari haiwan lain, atau boleh berbaring dalam keadaan aman dan selesa membahayakan kesihatan fizikal dan psikologi haiwan. Ayam yang bosan akan mematok bulunya dan ia akan dipotong paruhnya bagi menghalang daripada mematok antara satu sama lain.

Ayam ditenak sebagai mesin pengeluar telur, dengan tujuan untuk mendapatkan pengeluaran optimum daripada setiap ayam tanpa mengira kebajikan sebenar. Ini boleh dicapai dengan memaksa ayam kepada bilangan kitaran telur secara bukan semula jadi. Ia dipaksa gugurkan bulu lama dengan mencukur bulunya, kerana sebaik sahaja lapisan bulu baharu tumbuh, kitaran pembiakannya akan bermula.

Malah apabila dipaksa ayam untuk tumbuh bulu baru, ia diletakkan dalam keadaan tertekan apabila dinafikan makanan dan air untuk tempoh waktu tertentu. Tekanan juga akan memanipulasikan kitaran telur ayam.

Dan apakah pula yang terjadi kepada ayam yang tidak lagi boleh menghasilkan telur selepas kira-kira dua tahun dalam kurungan? Ia akan dihantar ke rumah sembelihan untuk dijadikan sup ayam atau makanan kucing dan anjing disebabkan dagingnya yang keras dan lebam. Ini adalah satu pengakhiran yang tragik bagi ayam yang menghabiskan hayatnya menghasilkan telur untuk menjadi makanan orang ramai.

Satu lagi tujuan ternakan ayam ialah untuk menghasilkan ayam daging untuk industri daging yang dipanggil ayam pedaging. Tetapi berapa ramai yang mengetahui akan kesengsaraan hidup ayam pedaging ini? Kebanyakan daripadanya bersesak-sesak dalam bilangan beribu ekor dan dikurung bersama dengan sisa sendiri dalam

kawasan yang kecil. Walaupun mungkin tidak dikurung dalam sangkar, ia juga mengalami kurungan yang sesak, mutu udara yang buruk dan pengendalian yang menekan.

Selain kurungan, ia juga turut diberikan dos hormon dan antibiotik yang banyak. Ia berpotensi terdedah kepada pelbagai virus dan bakteria melalui najis dan air kencing dalam persekitarannya.

Apabila cukup besar, ayam ini dimasukkan ke dalam kotak khas, disusun bertingkat-tingkat di atas lori dan dihantar beratus batu melalui semua jenis cuaca tanpa makanan atau air ke pasar untuk disembelih.

Pengguna tidak menyedari mengenai amalan kejam yang terlindung di sebalik kerahsiaan yang telah melindungi industri yang mendera haiwan sejak sekian lama. Industri ini beroperasi di luar perhatian awam kerana cara mereka melayan haiwan tidak dapat dimaafkan oleh mereka yang mengambil berat mengenai kebajikan haiwan.

Malaysia mempunyai peluang untuk memimpin dunia dalam melayani haiwan. Namun kita masih berada di belakang negara maju lain dan ini menunjukkan dengan jelas bahawa satu perubahan perlu dilakukan.

Kini tiba masanya bagi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk meneliti Akta Ternakan Haiwan bagi melarang ternakan dalam sangkar, kotak atau kurungan intensif bentuk lain yang melanggar Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Perubahan diperlukan, bukan hanya untuk haiwan tetapi juga untuk penternak agar mampu untuk merancang masa depan dengan kepastian dan keyakinan.

S. M. Mohamed Idris
Presiden
Sahabat Alam Malaysia